

Kuktem maju dalam bidang R&D

PENCAPAIAN Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) membanggakan apabila semua 11 penyertaannya pada Pameran R&D Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2005, baru-baru ini, meraih pingat.

Daripada jumlah itu, dua pingat emas, lima perak dan empat lagi gangsa.

Pingat emas dimenangi Ahmad Ziad Sulaiman melalui projek 'Mobile Ultrasonic Ginger Extraction Pilot Plant' dan Zalili Musa (Pelaksanaan Pemerosesan Imej bagi Pengesanan Lokasi Plat Kereta, Pengesanan Cap Jari dan Pemeriksaan Kecacatan pada Tekstil).

Perak pula dimenangi Prof Madya Dr Rosli Abu Bakar (New Design of a 2-Stroke Modular Engine for Multipurpose Usage with Lean Burn Capability), Jollius Gimbut (CFD Modeling for Aerocyclones Optimisation, Design, Scale-up and Troubleshooting).

Fatmawati Latad (Moulding Kuktem Soft Skill Module), Kamal Yusoh (Study of Potential in Varnish Additive Scale Up Production) dan Suryanti Awang (3D Human Movement (Walking) Modeling Using Neural Network).

Sementara gangsa dimenangi Prof Madya Wan Maseri Wan Mohd (Integrated Management System for Education), Norihan Sulan (A Study on Challenges Faced by Women Engineers in Workforce).